

Headline	TNB, UniKL kekal rekod tanpa kalah		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	18 Jan 2020	Language	Malay
Circulation	140,000	Readership	420,000
Section	Sukan	Page No	46
ArticleSize	308 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 19,590		



TNB, UniKL kekal rekod tanpa kalah

TENAGA Nasional Berhad (TNB) mencatat kemenangan besar ke atas Hockademy KL 6-0 dalam saingan Liga Hoki Malaysia (LHM) 2020 di Stadium Hoki Nasional, Bukit Jalil semalam.

Kemenangan itu sekali gus menyaksikan TNB terus mempertahankan rekod tanpa kalah dalam empat perlawanan berturut-turut serta mengungguli carta liga dengan 12 mata.

Dalam perlawanan tersebut, skuad kendalian Nor Saiful Zaini Nasiruddin itu tidak menunggu lama untuk membuka tirai jaringan menerusi jaringan padang Muhammad Azrai Aizad Abu Kamal seawal minit kedua sebelum Mohamad Akhimullah Anuar Esook menambah gol kedua berselang enam minit kemudian.

Muhammad Azrai menambah koleksi jaringan kedua peribadinya dengan gol pada minit ke-24 disusuli gol pukulan sudut penalti pemain kebangsaan,

Syed Mohamad Syafiq Syed Cholan pada minit ke-26.

Muhammad Arif Syafie Ishak turut mencipta nama selaku penjaring pada minit ke-30 sebelum Mohamad Akhimullah sekali lagi meledak untuk menutup kejayaan cemerlang TNB itu.

Dalam aksi berasingan, Universiti Kuala Lumpur (UniKL) turut mengekalkan rentak kemenangan selepas menewaskan TNB Thunderbolts 4-2.

Namun, kemenangan itu bukan mudah untuk diperolehi anak-anak buah Arul Selvaraj itu apabila terpaksa berhempas pulas menangkis permainan jitu yang dipamerkan TNB Thunderbolts.

TNB Thunderbolts terlebih dulu membuka jaringan menerusi jaringan padang Nasrul Syahkhair Sadikul pada minit ke-4 sebelum UniKL bangkit dengan tiga gol menerusi Muhammad Razie Abd Rahim, Izwan Firdaus Ahmad Tajuddin dan Mohamad Faid Farhadh



Barisan pemain UniKL meraikan kejayaan menumpaskan TNB Thunderbolts semalam.

Mohamad Shah.

Muhammad Fahmi Khalid cuba merapatkan kedudukan buat TNB Thunderbolts menerusi pukulan sudut penalti pada minit ke-46 sebelum awang import UniKL, Timothy James Deavin melenyapkan sisa-sisa perjuang pasukan

muda TNB itu menerusi gol pada minit ke-49.

Dalam satu lagi perlawanan yang berlangsung semalam menyaksikan Pasukan Hoki Terengganu (THT) menundukkan UiTM 5-3 di Stadium Hoki Tun Razak, Kuala Lumpur.

VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
KOMPLEKS SUKAN JALAN DUTA (KOMPLEKS SUKAN JALAN	1	0	0
Tenaga Nasional Berhad (TNB) (Hockey TNB Thunderbolts)	5	0	0
Tenaga Nasional Berhad (TNB) (Tenaga Nasional)	11	0	0
TNB Hockey Team (TNB Hockey Team)	11	0	0
UKM - internal checking only (UKM - internal checking only)	2	0	0
Universiti Kuala Lumpur (For UNITEN) (Universiti Kuala Lumpur	6	0	0
Universiti Kuala Lumpur (UniKL) (Universiti Kuala Lumpur	8	0	0
Universiti Teknologi MARA (UiTM) (Universiti Teknologi Mara	3	0	0